

IMAM AL-BUKHARI DAN KETOKOHANNYA DALAM BIDANG TAFSIR: SATU TINJAUAN

Oleh:

*Dr. Ahmad Najib Bin Abdullah**

Abstrak

Artikel ini akan membincangkan tentang seorang tokoh ulama' terkemuka yang biasanya dikaitkan dengan bidang hadith iaitu Imam al-Bukhari r.a. Fokus perbincangan tertumpu kepada ketokohan dan sumbangan Imam al-Bukhari dalam bidang tafsir Al-Qur'an dengan didahului perbincangan mengenai beberapa skop penting berhubung tokoh besar ini.

Muqaddimah

Di antara kebertuahan umat Islam, mereka cukup kaya dengan tokoh-tokoh ulama' terbilang dalam pelbagai bidang ilmu. Jasa dan sumbangan ilmu mereka amat dihargai kerana mereka adalah pewaris anbia' (alayhim al-salam). Lahirnya mereka ibarat bintang-bintang yang menyinari kegelapan malam. Untuk kembali gemilang, umat Islam sewajarnya memartabatkan tokoh-tokoh ulama' dan meletakkan mereka sebagai contoh dan teladan. Ilmu-ilmu peninggalan mereka sewajarnya ditela'ah, dikaji dan dihayati. Tokoh-tokoh seperti Imam al-Syafi'i, Imam al-Bukhari, Imam al-Nawawi (rahimahumullah) dan ramai lagi, perlu dikemukakan kepada umat ini agar mereka mengenali dengan lebih dekat tokoh-tokoh berkenaan. Bukan sekadar itu, malah diharapkan mereka mampu pula

* Pensyarah Kanan Di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

membuat perubahan minda dan sikap ke arah yang lebih baik setelah mereka benar-benar memahami dan menghayati perjuangan dan pengorbanan tokoh-tokoh tersebut dalam membawa kecemerlangan kepada umat ini. Jadi, artikel ini akan mengupas ketokohan Imam al-Bukhari di dalam bidang tafsir al-Quran.

Biodata Imam al-Al-Bukhari

Nama beliau Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah atau Bazduzbah¹. Dilahirkan pada hari Juma'at tanggal 13 Syawwal 194 Hijrah, dalam sebuah keluarga yang soleh dan amat mencintai ilmu². Ayahnya meninggal sewaktu beliau masih kecil. Justeru, ibunya banyak memainkan peranan untuk memastikan beliau mendapatkan pendidikan dan ilmu secukupnya bagi meneruskan perjuangan ayahnya. Beliau keluar dari kampung halamannya untuk mendapatkan ilmu dari tokoh-tokoh ilmuan hadith pada waktu itu di kota-kota ternama seperti di Iraq, Hijaz, Syam dan Mesir³. Beliau meninggal dunia pada tahun 256 Hijrah dalam usia 62 tahun.

Ketokohan

Ahmad bin Sayyar al-Marwazi ada menyatakan tentang kelebihan dan ketokohan yang ada pada Imam al-Bukhari:

"Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Ju'fi, Abu Abdullah, menuntut ilmu dengan mendampingi tokoh-tokoh ulama' dan sanggup mengembara demi mendapatkan hadith. Kerana itu beliau menjadi mahir dan amat mendalam ilmunya dalam bidang hadith. Beliau seorang yang bagus ilmu pengetahuannya, bagus hafazannya, dan mendalam ilmunya (faqih) ⁴.

Nu'aim bin Hammad pula menegaskan:

"Muhammad bin Ismail merupakan tokoh ulama' (faqih) umat ini"⁵.

Kata Abdullah bin Ahmad bin Hanbal:

"Saya mendengar ayah saya ada menyebut: Kota Khurasan tidak dapat melahirkan (tokoh ulama') seperti Muhammad bin Ismail".⁶

Bahkan beliau digelar sebagai Sayyid al-Fuqaha' (Penghulu Fuqaha').⁷ Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah ada menyebut:

"Saya tidak melihat seorang pun di bawah teduhan langit yang lebih alim dan kuat hafazannya tentang hadith Rasulullah S.A.W daripada Muhammad bin Ismail".⁸

Imam al-Bukhari juga terkenal sebagai seorang imam mujtahid yang mampu mengeluarkan pandangan dan pendapat sendiri, tanpa terikat dengan mana-mana mazhab. Hal ini dinyatakan oleh ramai ulama' yang mengkaji kehebatan dan ketajaman ilmunya, antaranya Ibn Taimiyyah, al-Syaikh Muhammad Anwar al-Kasymiri, al-Syaikh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi dan lain-lain.⁹

Kehebatan Ibadat

Imam al-Bukhari adalah seorang ulama' yang amat kuat hubungannya dengan Allah S.W.T. Baginya, solat merupakan jambatan penghubung yang amat erat antara seorang hamba dengan Allah S.W.T. Dalam menghasilkan karya agungnya al-Jami' al-Sahih/Sahih al-Bukhari,

sebelum beliau memasukkan sesuatu hadith, beliau terlebih dahulu mengerjakan solat dua raka'at.

Pada suatu ketika dalam keadaan beliau penuh khusyu' bermunajat dalam solatnya, beliau pernah disengat 17 ekor tebuan. Sesudah solat, beliau bertanya murid-muridnya, apakah yang mengganggu solatnya tadi. Mereka mendapati 17 ekor tebuan yang telah pun meninggalkan kesan lebam di tubuh Imam al-Bukhari. Beliau ditanya, kenapa tidak beliau menangguhkan solat? Beliau menjawab:

Sewaktu itu saya sedang membaca satu surah dan saya ingin menyudahkannya.¹¹

Suatu hal yang amat diberi perhatian oleh Imam al-Bukhari ialah menjaga lidah dari menuturkan keburukan orang lain, malah berdasarkan prinsip 'sifar mengumpat' yang dipegangnya, beliau berharap apabila beliau bertemu Allah S.W.T nanti, beliau tidak akan disabitkan oleh Allah dengan dosa mengumpat kepada sesiapa pun.¹²

Penulisannya dianggap satu jihad ilmu yang bermanfaat untuk umat Islam. Beliau mendo'akan agar semua karya penulisannya diberkati oleh Allah S.W.T .¹³

Sikap Dan Pandangannya Terhadap Al-Qur'an

Imam al-Bukhari pernah berkata :

لَا عُلِمَ شَيْنَا يَحْتَاجُ إِلَيْهِ إِلَّا وَهُوَ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ ، فَقِيلَ لَهُ : يُمْكِنُ مَعْرِفَةُ ذَلِكَ كُلُّهُ ؟ فَقَالَ : نَعَمْ .

"Saya tidak mengetahui sesuatu yang diperlukan melainkan ianya terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah", lalu beliau

ditanya: "Bolehkah hal itu dipastikan?". Jawab beliau : Ya".¹⁴

Abdullah bin Abdul Rahman ada menggambarkan kehebatan ilmu Imam al-Bukhari dalam memahami al-Qur'an al-Karim. Katanya:

"Muhammad (al-Bukhari) adalah hamba Allah yang paling cerdik, dia benar-benar memahami suruhan dan larangan Allah dalam kitabNya dan persabdaan NabiNya. Apabila beliau membaca al-Qur'an, beliau menggunakan sepenuh hati, penglihatan dan pendengarannya dan merenung kepada perumpamaan-perumpamaan (al-Qur'an), dan beliau benar-benar memahami halal haram yang terdapat di dalamnya".¹⁵

Musabbih bin Said pula menggambarkan kecintaan Imam al-Bukhari terhadap pembacaan al-Qur'an al-Karim, katanya:

"Muhammad bin Ismail al-Bukhari, apabila berada di malam pertama bulan Ramadhan, para sahabatnya akan berhimpun bersamanya dan beliau akan mengimami solat mereka di mana beliau membaca dua puluh ayat pada setiap raka'at. Begitulah sehingga beliau mengkhatamkan al-Qur'an.. Pada waktu dinihari pula, beliau akan membaca antara seperdua atau sepertiga al-Qur'an dan mengkhatamkan al-Qur'an pada setiap tiga malam. Beliau juga mengkhatamkan al-Qur'an setiap hari, pada waktu siang hari di bulan Ramadhan, dan pada kebiasaan di waktu hampir berbuka. Beliau ada menyebut; Pada setiap pengkhataman itu terdapat do'a yang dimustajabkan (Allah)".¹⁶

Mempertahankan Kesucian al-Qur'an

Satu isu besar telah timbul di zaman Imam al-Bukhari iaitu adakah al-Qur'an itu makhluk atau bukan makhluk? Isu ini sengaja dikaitkan dengan Imam al-Bukhari untuk menguji dan memfitnah beliau. Sebagai seorang 'alim yang mempunyai pendirian berdasarkan ilmu yang dikurniakan oleh Allah S.W.T, beliau dengan berani dan tegas menyatakan keyakinan beliau terhadap al-Qur'an al-Karim yang tidak boleh sama sekali diganggu gugat oleh sesiapa pun.

Berdasarkan catatan ulama' yang menulis berhubung isu ini, Imam al-Bukhari telah difitnah oleh beberapa orang ulama' Naisabur, termasuk gurunya sendiri Muhammad bin Yahya al-Zuhali, tetapi beliau tetap bertegas dengan pendiriannya bahawa al-Qur'an adalah kalam Allah, bukan makhluk, manakala perbuatan manusia adalah makhluk, dan menguji manusia dengan persoalan ini adalah satu *bid'ah*.¹⁷

Menegaskan keyakinan beliau terhadap al-Qur'an, beliau ada menyatakan:

"Saya telah bertemu lebih daripada seribu orang tokoh ulama' dari Hijaz, Iraq, Syam, dan Mesir. Berkali-kali saya bertemu mereka... (disebut beberapa orang tokoh ulama'), Saya tidak dapati mereka berselisih pendapat dalam hal-hal ini, iaitu agama (Iman) itu adalah qaul dan 'amal, dan sesungguhnya al-Qur'an itu adalah kalam Allah".¹⁸

Karya-Karya Imam al-Bukhari

Sebagai seorang tokoh ulama' besar, Imam al-Bukhari telah berjaya menghasilkan banyak karya bermanfa'at untuk umat Islam. Karya-

karya tersebut dengan jelas membuktikan keilmuan beliau yang sukar ditandingi. Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani ada menyenaraikan hasil-hasil karya Imam al-Bukhari,¹⁹ seperti berikut:

- 1- al-Jami' al-Sahih
- 2- al-Adab al-Mufrad
- 3- Raf'u al-Yadain fi al-Solah
- 4- Al-Qiraah Khalfa al-Imam
- 5- Birr al-Walidain
- 6- Al-Tarikh al-Kabir
- 7- Al-Tarikh al-Awsat
- 8- Al-Tarikh al-Saghir
- 9- Khalq 'Af'al al-'Ibad
- 10- Kitab al-Dhu'afa'
- 11- Al-Jami' al-Kabir
- 12- Al-Musnad al-Kabir
- 13- Al-Tafsir al-Kabir
- 14- Kitab al-Asyribah
- 15- Kitab al-Hibah
- 16- Asami al-Sahabah
- 17- Kitab al-Wihdan
- 18- Kitab al-Mabsut
- 19- Kitab al-'Ial
- 20- Kitab al-Kuna
- 21- Kitab al-Fawaid

Imam al-Bukhari Dan Bidang Tafsir

Umumnya ketokohan Imam al-Bukhari banyak terserlah dalam bidang hadith. Itulah yang biasa diperkatakan walaupun tokoh ini sebenarnya bukan sahaja mahir dalam bidang hadith, malah beliau seorang yang

benar-benar faqih dan alim dalam bidang-bidang lain, terutamanya fiqh, aqidah, tafsir, bahasa Arab dan lain-lain.

Untuk menjelaki keilmuan dan sumbangan Imam Al-Bukhari dalam bidang tafsir, elok benar dimulakan dengan mengkaji hasil karya beliau dalam bidang tafsir.

Tafsir Imam al-Bukhari

Di antara karya Imam al-Bukhari ialah ‘*al-Tafsir al-Kabir*’. Sumber-sumber yang menyatakan hal ini seperti berikut :

- 1- Al-Hafiz Ibnu Hajar al-‘Asqalani menulis bahawa al-Firabri, murid Imam Al-Bukhari ada menyebut ‘*al-Tafsir al-Kabir*’ sebagai salah sebuah karya Imam al-Bukhari.²⁰
- 2- Dr. Yusuf al-Katani dalam kitabnya: *Ruba’iyyat al-Imam al-Bukhari*.²¹
- 3- Al-Allamah al-Syaikh ‘Abdul Salam al-Mubarakfuri (1289-1342 H), dalam *Sirah al-Imam al-Bukhari*.²²
- 4- Dr. al-Husaini Abdul Majid Hashim ada menyebut antara karya Imam al-Bukhari ialah *al-Tafsir al-Kabir li al-Qur'an*, katanya karya ini terdapat di Maktabah al-Jaza’ir berdasarkan sumber Da’irah al-Ma’arif al-Islamiyyah, juga terdapat di Maktabah Paris berdasarkan kenyataan orientalis Brockleman di dalam *Adab al-Lughah*.²³
- 5- Al-Syaikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi.²⁴
- 6- Prof. Dr. Hikmat Basyir Yasin, dalam muqaddimah bukunya *al-Tafsir al-Sahih*.²⁵

Dari apa yang dinyatakan, ungkapan ‘al-Tafsir al-Kabir’ menggambarkan bahawa karya yang dihasilkan oleh Imam al-Bukhari merupakan sebuah karya yang besar dan hebat. Hal ini dapat difahamkan daripada perkataan ‘al-Kabir’ yang membawa maksud besar atau agung.

Jika kita melihat kepada beberapa karya tafsir yang turut dinamakan dengan ‘al-Tafsir al-Kabir’ seperti Tafsir Ishaq bin Ibrahim (terkenal dengan Ibn Rahawaih-m. 238 H), Tafsir Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (m. 360 H), Tafsir Ibn Mardawaih (m. 410 H) dan lain-lain, kita boleh menganggarkan saiz atau kerangka tafsir yang dihasilkan itu. Ianya berkemungkinan besar mengandungi belasan atau puluhan ribu hadith dengan sanad yang lengkap, di samping athar-athar yang banyak. Kita mungkin boleh membuat andaian bahawa *Kitab al-Tafsir dalam Sahih al-Bukhari* merupakan asas kepada *al-Tafsir al-Kabir* itu.

Oleh kerana *al-Tafsir al-Kabir* tidak berada di tangan kita di saat ini, sekadar namanya sahaja yang kita perolehi melalui catatan al-Firabri, murid kepada Imam al-Bukhari, maka perbincangan mengenainya amat terbatas sekali.

Kajian-kajian Terdahulu Tentang Manhaj Imam al-Bukhari Dalam Bidang Tafsir

Untuk melihat sejauh mana kehebatan dan sumbangan Imam al-Bukhari dalam bidang tafsir, perlu rasanya ditelusuri kajian-kajian terdahulu dalam hal ini.

Menerusi pencarian pintas di beberapa laman web Islam, terdapat beberapa kajian ilmiah yang berkaitan dengan manhaj Imam al-Bukhari dalam bidang tafsir:

- 1- *Manhaj al-Imam al-Bukhari fi al-Tafsir min Khilal Kitabih al-Sahih*, oleh: Sayyid Ahmad al-Imam Khatari, (1417 H), Tesis M.A, Fakulti Dakwah Dan Usuluddin, Jabatan Al-Qur'an Dan al-Sunnah, Universiti Umm Al-Qura, Makkah al-Mukarramah, Arab Saudi.
- 2- *Ikhtiyarat al-Imam al-Bukhari fi al-Tafsir allati lam ya'zuha ila ahadith fi Sahih: 'Ardh wa Tahsil*, oleh: 'Aid bin Abdillah bin 'Aid al-Harbi, (1410 H), Tesisi M.A, Fakulti Al-Qur'an al-Karim wa Al-Dirasat al-Islamiyyah, Jabatan Tafsir, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi.
- 3- *Ikhtiyarat al-Imam al-Bukhari fi Tafsir Ayat al-Ahkam Min Sahih: Jam' wa Dirasah*, Tesis M.A, (1425 H), Fakulti al-Tarbiyah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti al-Malik Su'ud, Riyadh, Arab Saudi.
Kajian-kajian di atas merupakan kajian-kajian ilmiah yang lebih memfokuskan kepada masalah manhaj atau metodologi Imam al-Bukhari dalam mentafsirkan al-Qur'an dalam kitab al-Jami' al-Sahih atau Sahih al-Bukhari.

Perbincangan Tafsir Dalam Sahih al-Bukhari:

Sebelum kita berbincang lebih lanjut, perlu dijelaskan bahawa Sahih Imam al-Bukhari memuatkan banyak kitab (tajuk induk), dan disusuli dengan bab (tajuk kecil). Di antara kitab yang terkandung dalam Sahih al-Bukhari ialah Kitab al-Tafsir. Kitab al-Tafsir ini memuatkan ratusan hadith marfu' dan juga athar. Namun begitu, Imam al-Bukhari juga banyak menyebut hadith-hadith yang dikaitkan dengan pentafsiran sebahagian ayat-ayat al-Qur'an dalam kitab-kitab selain Kitab al-Tafsir.

Suatu fakta yang tidak harus dilupakan apabila kita menela'ah *Sahih al-Bukhari*, bahawa karya besar ini dipenuhi dengan banyak

sekali rumusan dan pandangan Imam al-Bukhari dalam permasalahan fiqh yang melibatkan hukum hakam. Justeru, terdapat banyak ayat-ayat hukum yang dibawa oleh Imam al-Bukhari untuk memperkuatkan hujah dan menyokong pandangannya.²⁶

Manhaj Imam al-Bukhari Dalam Kitab al-Tafsir (Sahih al-Bukhari)

Pada umumnya, Imam al-Bukhari telah mengemukakan pendekatan tersendiri dalam menyusun kitab tafsirnya berdasarkan kefaqihan dan ketajaman ilmunya. Di sini saya akan cuba menyenaraikan beberapa dapatan hasil dari pengamatan yang dibuat terhadap manhaj Imam al-Bukhari dalam penyusunan kitab tafsirnya.

- 1- Perbincangan tafsir boleh dikatakan meliputi semua surah dalam al-Qur'an dengan melibatkan ayat-ayat tertentu dan terpilih sahaja.
- 2- Bilangan hadith yang terdapat dalam kitab tafsir ialah 548 hadith marfu' dan hadith-hadith yang dihukumkan hukum marfu'.
- 3- Bilangan athar lebih kurang 580 athar sahabat dan tabi'in.²⁷
- 4- Tafsir dimulakan dengan menyebut nama surah. Jika perlu dijelaskan rahsia penamaan mana-mana surah dan kelebihannya. Imam al-Bukhari akan menjelaskannya seperti dalam tafsir surah *al-Fatiyah*. Katanya: "Surah Fatihah al-Kitab dinamakan juga Umm al-Kitab kerana ia mula-mula surah yang ditulis dalam mashaf dan surah yang mula-mula dibaca dalam solat." Seterusnya dibawa hadith yang menyebut kelebihan surah *al-Fatiyah*.²⁸
- 5- Kemudiannya, pada kebiasaannya disusuli dengan penjelasan terhadap maksud beberapa kalimah al-Qur'an yang terdapat

dalam surah berkenaan. Kalimah-kalimah itu pada kebiasaannya berbentuk *gharib* atau sukar difahami dan perlu kepada penjelasan. Penjelasan itu dibuat sendiri oleh Imam al-Bukhari dan sebahagiannya dinaqalkan daripada kata-kata para sahabat Nabi S.A.W seperti Ibnu Abbas, daripada para tabi'in dan ulama'-ulama' lain seperti Imam Mujahid, Qatadah, Hasan al-Basri dan Ikrimah. Penjelasan tersebut pula berbeza-beza, kadang-kadang sedikit dan kadang-kadang agak panjang pada sesetengah surah.²⁹

- 6- Sesudah penjelasan maksud beberapa kalimah Al-Qur'an dibuat, beliau akan menyebut ayat yang ingin ditafsirkan dengan meletakkan ungkapan: "Bab (disebut ayat), atau Bab Qauluhu (disebut ayat)".
- 7- Kadangkala sesuatu ayat disusuli dengan pandangan atau pendapat ulama' dalam menjelaskan sesuatu hukum seperti dalam tafsiran ayat 184, surah al-Baqarah yang berkait dengan hukum berbuka puasa bagi orang yang sakit, wanita hamil, penyusu dan orang tua.³⁰
- 8- Kadangkala disebut juga bentuk-bentuk qiraat al-Qur'an seperti dalam tafsiran ayat 184 surah al-Baqarah, ayat 91 surah al-Hijr, ayat 9 surah al-Jumu'ah, dan ayat 3 surah al-Dhuha.³¹
- 9- Disusuli sesudah itu dengan menyebut hadith yang diriwayatkan dengan sanadnya sendiri berkaitan dengan ayat yang terkandung dalam bab itu.
- 10- Hadith-hadith yang dikemukakan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab tafsir adalah dalam pelbagai bentuk. Ada yang berkaitan dengan fadhilat surah atau ayat al-Qur'an, asbab *al-nuzul*, ayat

- nya
ada
hari
abat
ma'-
dan
lang
igah
- ur'an
ngan
iluhu
- atau
eperti
ngan
hamil,
- eperti
l-Hijr,
- vatkan
ndung
- dalam
kaitan
il, ayat
- ahkam, qasas, *nasikh mansukh*, penjelasan kepada ayat-ayat mubhamat dan lain-lain.
- 11- Dalam pentafsiran ini, Imam al-Bukhari menggunakan kaedah *al-Tafsir bi al-Ma'thur* iaitu tafsir Al-Qur'an dengan Al-Qur'an, tafsir Al-Qur'an dengan *al-Sunnah al-Sahihah*, tafsir Al-Qur'an dengan pendapat para sahabat dan tabi'in, dan tafsir Al-Qur'an dengan merujuk kepada bahasa Arab.

Penutup

Imam al-Bukhari seorang tokoh ulama' yang banyak memberikan sumbangan kepada umat Islam terutama dalam bidang hadith, aqidah, fiqh, dan juga tafsir. Karya-karya beliau terutama *Sahih al-Bukhari* wajar sekali dijadikan bahan pengajaran kepada generasi kini agar mereka lebih memahami *al-Sunnah* dan mempraktikkannya dalam kehidupan. Beliau seharusnya dijadikan teladan dan ikutan untuk generasi umat hari ini.

NOTA HUJUNG

- ¹ Muhammad bin Ahmad bin 'Utman al-Zahabi (1992), *Siyar A'lam al-Nubala'*, j. 12, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 391-392.
- ² Ahmad bin 'Ali al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, j. 2, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 6. Lihat juga; Jamaluddin Abu al-Hajjaj Yusuf al-Mizzi (1992), *Tahzib al-Kamal Fi Asma' al-Rijal*, j. 24, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 430-431.
- ³ Lihat; Jamaluddin Abu al-Hajjaj Yusuf al-Mizzi (1992), *ibid*. Lihat juga; Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (1988), *Hadyu al-Sari (Muqaddimah Fath al-Bari)*, al-Qahirah: Dar al-Rayyan li al-Turath, h. 501-503.
- ⁴ Jamaluddin Abu al-Hajjaj Yusuf al-Mizzi (1992), *op. cit.*, h. 438.
- ⁵ Lihat: Ahmad bin 'Ali al-Baghdadi, *op. cit.*, h. 22, Jamaluddin Abu al-Hajjaj Yusuf al-Mizzi (1992), *op. cit.*, h. 459, Muhammad bin Ahmad bin 'Utman al-Zahabi (1992), *op. cit.*, h. 419.
- ⁶ Lihat: Ahmad bin 'Ali al-Baghdadi, *op. cit.*, h. 21, dan Muhammad bin Ahmad bin 'Utman al-Zahabi (1992), *op. cit.*, h. 421.
- ⁷ Muhammad bin Ahmad bin 'Utman al-Zahabi (1992), *ibid.*, h. 422.
- ⁸ *Ibid.*, h. 431.
- ⁹ Lihat : Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Abdul Halim, *Majmu' al-Fatawa*, j. 20, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, h. 40, Dr. Nizar bin Abdul Karim al-Hamdani (1412 H), *Al-Imam al-Bukhari: Faqih al-Muhaddithin wa Muhadith al-Fuqaha'*, Makkah al-Mukarramah: Matabi' Jami'ah Umm al-Qura, h.152-155.
- ¹⁰ Jamaluddin Abu al-Hajjaj Yusuf al-Mizzi (1992), *op. cit.*, h. 443.
- ¹¹ Lihat: Ahmad bin 'Ali al-Baghdadi, *op. cit.*, h. 12-13, Jamaluddin Abu al-Hajjaj Yusuf al-Mizzi (1992), *op. cit.*, h. 446-447, dan Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (1988), *op. cit.*, h. 505.
- ¹² Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (1988), *ibid.*, h. 505.
- ¹³ al-Hamdani, *al-Imam al-Al-Bukhari: Faqih al-Muhaddithin wa Muhadith al-Fuqaha'*, h. 44.
- ¹⁴ Lihat: Muhammad bin Ahmad bin 'Utman al-Zahabi (1992), *op. cit.*, h. 412.
- ¹⁵ *Ibid.*, h. 426.
- ¹⁶ Ahmad bin 'Ali al-Baghdadi, *op. cit.*, h. 12, Jamaluddin Abu al-Hajjaj Yusuf al-Mizzi (1992), *op. cit.*, h. 446, Muhammad bin Ahmad bin 'Utman al-Zahabi (1992), *op. cit.*, h. 439.
- ¹⁷ Lihat: Muhammad bin Ahmad bin 'Utman al-Zahabi (1992), *ibid.*, h. 453-458, dan Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (1988), *op. cit.*, h. 514-516.

-
- j. 12,
- abi, h.
Asma'
- ad bin
ahirah:
- Yusuf
1992),
- ad bin
- Riyadh:
I-Imam
ramah:
- aj Yusuf
(1988),
- dith al-
- al-Mizzi
op. cit.,
- 458, dan
- ¹⁸ Lihat: Muhammad bin Ahmad bin 'Utman al-Zahabi (1992), *op. cit.*, h. 408.
- ¹⁹ Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (1988), *op. cit.*, h. 516-517.
- ²⁰ *Ibid.*, h. 517.
- ²¹ Dr. Yusuf Al-Katani (1984), *Ruba'iyyat al-Imam al-Al-Bukhari*, al-Rabat: Maktabah al-Ma'arif, h. 46.
- ²² Al-Allamah al-Syaikh 'Abdul Salam al-Mubarakfuri (1987), *Sirah al-Imam al-Al-Bukhari*, Bombay: al-Dar al-Salafiyyah, h.150.
- ²³ Lihat: Abdul Majid Hashim al-Husaini, *Al-Imam al-Al-Bukhari: Muhadithan wa Faqihān*, Qahirah: Misr al-Arabiyyah Li al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 282.
- ²⁴ Al-Syaikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi (1992), *Hayat al-Bukhari*, (Tahqiq: Mahmud al-Arnaut), Beirut: Dar al-Nafā'is, h.67.
- ²⁵ Prof. Dr. Hikmat Basir Yasin (1419 H), *Al-Tafsir al-Sahih*, j. 1, al-Madinah al-Munawwarah: Dar al-Ma'athir, h. 22.
- ²⁶ Lihat: Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (1988), *op. cit.*, h. 10.
- ²⁷ Lihat: Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, j. 8, h. 617.
- ²⁸ Lihat: *Sahih al-Al-Bukhari* (2001), Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 787 , Hadith: 4474
- ²⁹ Lihat: *Sahih al-Al-Bukhari*, h. 787 – 791 dan seterusnya.
- ³⁰ Lihat: *Sahih al-Al-Bukhari*, h. 794
- ³¹ Lihat: *Sahih al-Al-Bukhari*, h. 794, 840, 895, 912.